



Unimas tanam pokok penawar Aids

PENAWAR... mungkin ramai yang sudah mendengar cerita mengenai Pokok Bintangor atau nama saintifiknya, 'Calophyllum Lanigerum', tetapi belum pernah melihat rupa pokok berkenaan.

Pokok ini (**gambar**) yang ditanam di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Kota Samarahan, kira-kira 35 kilometer dari Kuching, kini sudah berusia dua tahun.

Kelihatan penuntut tahun tiga Fakulti Sains dan Teknologi Unimas, Macha anak Bagat, 35, meneliti pokok berkenaan yang disahkan boleh menghasilkan penawar bagi penyakit HIV/Aids.

Semalam, akhbar ini mendedahkan bahawa penyelidikan makmal Institut Kanser

Kebangsaan Amerika Syarikat (NCI) mendapat pokok yang hanya terdapat di Sarawak ini berjaya menghasilkan penawar mengubati HIV/Aids.

Berikut itu, sebuah syarikat Amerika Syarikat, dengan kerjasama kerajaan Sarawak, dijangka membuat permohonan kepada Pentadbiran Dadah dan Makanan (FDA) Amerika bagi memasarkan ubat baru itu.

Sebelum ini, pokok Bintangor adalah antara 30,000 tumbuhan yang diuji di NCI bagi menentukan ramuan yang boleh dihasilkan daripada pokok itu untuk merawat Aids.

Seorang penyelidik tumbuhan dari Universiti of Illinois Chicago, D D Soejarto, dilan-

porkan membuat penemuan pokok yang dikatakan menge luarkan getah berwarna kuning dan mengandungi sejenis kom paun yang boleh menghenti kan pembesaran virus Aids, pada 1987.

Sehubungan itu, Jabatan Hutan Sarawak menjalankan kajian bersama NCI, mendapat ramuan pokok Bintangor yang ditemui itu berpotensi menyekat virus Aids daripada merebak dan mengubati penyakit kanser.

Sejak Jun 1983, kerajaan negeri menguatkuaskan larangan menebang, mengambil bahagian tertentu dan pengekspor tanah kayu Bintangor, bagi melindungi spesies pokok berkenaan. — **Gambar Azahan Rosli**